

Tinggal isteri demi pil khayal

Harian Metro 13/04/2010
M/S 2

Pasangan edar Eramin 5 sejak lebih dua tahun lalu ditahan berasingan

>>Oleh Mohd Jamilul Anbia
Md Denin

anbia@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Kalam-kabut selepas melihat kehadiran anggota polis menyebabkan seorang pengedar dadah sanggup melarikan diri dengan meninggalkan isterinya terkial-kial bersendirian di tepi jalan sambil memegang beg berisi penuh pil khayal.

Tindakan nekad terbabit dilakukan lelaki berusia 36 tahun itu meranapkan jiwa isterinya yang sebelum ini sama-sama berkecimpung sebagai pengedar pil Eramin 5 lebih dua tahun lalu.

Bagaimanapun, suami wa-

nita terbabit ditahan beberapa jam kemudian di Lebuhraya Kesas.

Ketua Polis Brickfields, Asisten Komisioner Wan Abdul Bari Wan Abdul Khalid berkata, dalam kejadian pertama kira-kira jam 4.35 petang, Selasa lalu, sepasukan anggota polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah Brickfields menjalankan risikan selepas mendapat maklumat berhubung kegiatan pengedaran dadah berhampiran Jalan Petaling di sini.

Menurutnya, polis menyerbu sebelum menahan seorang wanita berhampiran hadapan sebuah sesen minyak.

“Bagaimanapun, suami wa-

nita terbabit yang menyedari kehadiran polis melarikan diri bersama seorang lelaki lain dengan sebuah kereta. Hasil pemeriksaan mendapati wanita berusia 28 tahun itu membawa satu beg plastik berwarna hijau.

“Pemeriksaan lanjut menemui satu bungkusan kertas surat khabar yang mengandungi 50 papan pil Eramin 5 yang berjumlah kira-kira 500 biji. Semua dadah itu seberat 140 gram bernilai dan dianggarkan bernilai RM12,500 mengikut harga pasaran,” katanya.

Menurutnya, susulan itu, polis menjalankan pemeriksaan lanjut sebelum mendapati wanita terbabit po-

sitif syabu.

“Hasil tangkapan pertama itu, pihaknya terus mengesan suaminya sebelum mengesan kereta dinaikinya di Lebuhraya Kesas di sini.

“Polis yang mengekori kereta itu menahan suspek bersama seorang lagi lelaki kira-kira 15 minit kemudian. Hasil pemeriksaan pada kereta dinaiki suspek, polis menemui satu bungkusan kertas berwarna ungu yang diikat dengan gelang getah,” katanya pada sidang akhbar khas di pejabatnya semalam.

Menurutnya, sebaik bungkusan itu dibuka, polis menemui 10 papan Eramin 5 mengandungi 200 pil seberat 60 gram yang mempunyai



RAMPAS...Wan Abdul Bari menunjukkan pil Eramin 5 dan barangan dirampas daripada pasangan terbabit.

nilai pasaran hampir RM2,000.

“Suspek yang dibawa untuk ujian air kencing turut didapati positif dadah. Suspek dan isterinya ditahan reman sehingga 19 April depan untuk siasatan lanjut,” katanya.

